



KP(JPS)5181/01/02/Jld.2(1)
14 Februari 2001

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 1/2001
Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Di Bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555)**

Surat ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3/2000 bertarikh 31 Mac 2000 ("Pekeliling tersebut") dan Surat Penjelasan Kepada Surat Pekeliling tersebut bertarikh 16 Oktober 2000 ("Surat Penjelasan tersebut") untuk memberi maklum penambahan butiran berkaitan Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

2. Kementerian Pendidikan mendapati terdapat institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang mengambil kesempatan mengiklankan kursus pengajian yang ditawarkan dengan menyebut nombor perakuan pendaftaran institusi yang telah tamat tempoh sahlaku. Adalah dijelaskan bahawa di bawah Akta 555 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, tempoh sahlaku pendaftaran institusi adalah berlainan dengan tempoh sahlaku kursus pengajian yang ditawarkan. Tempoh sahlaku pendaftaran institusi adalah selama 5 tahun manakala tempoh sahlaku kursus pengajian pula tertakluk kepada tahap kursus pengajian tersebut seperti berikut :

- | | | |
|------|---------------|-----------|
| 2.1. | Tahap Sijil | : 3 tahun |
| 2.2. | Tahap Diploma | : 3 tahun |
| 2.3. | Tahap Ijazah | : 5 tahun |

3. Oleh yang demikian, selaras dengan kehendak "Pekeliling tersebut" dan "Surat Penjelasan tersebut" serta Garis Panduan Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di bawah Akta 555, Kementerian ini membuat ketetapan bahawa semua iklan hendaklah juga mengandungi kod kursus

pengajian seperti yang tercatat dalam perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

4. Berikut adalah contoh kod kursus pengajian yang akan digunapakai dan penjelasannya :

KP/JPS(K035)5/03

- 4.1. KP/JPS menunjukkan rujukan Kementerian Pendidikan
- 4.2. (K035) menunjukkan nombor rujukan kursus pengajian seperti syor LAN
- 4.3. 5/03 menunjukkan bulan dan tahun tamat tempoh sahlaku kursus pengajian iaitu **bulan Mei tahun 2003**

5. Sehubungan dengan ini, IPTS yang telah mendapat kelulusan mengendalikan kursus pengajian daripada Kementerian ini dan belum mempunyai kod kursus pengajian hendaklah menyebut kod kursus pengajian dalam semua iklan dengan menggunakan format seperti di para 4 surat ini.

6. Tujuan butiran kod kursus pengajian disebut dalam setiap iklan yang dikeluarkan oleh IPTS adalah sebagai panduan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian di IPTS supaya memastikan kursus pengajian yang ditawarkan telah dilulus dan didaftarkan selaras dengan kehendak Akta 555.

7. Kementerian Pendidikan tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini dan kegagalan berbuat demikian membolehkan Kementerian Pendidikan mengambil tindakan mendakwa mana-mana IPTS yang melanggar peraturan ini.

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(YAACOB WAN IBRAHIM)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
b.p. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan kepada:

1. Y. B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y. B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y. B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y. B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan–Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah–Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah–Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
10. Penasihat Undang–Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Eksekutif
Lembaga Akreditasi Negara
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya.
13. Presiden Persatuan Kolej-Kolej Swasta Malaysia (MAPCO)
No. 1, Persiaran Utama, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya

14. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi-Institusi
Pendidikan Swasta dan Bebas (NAPIEI)
35A, Jalan SS 22/19
Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya
15. Persatuan IPTS Bumiputera Malaysia (PINTAR)
d/a Institut Goon
19, Jalan Belia
50350 Kuala Lumpur.
16. Gabungan IPTS Bumiputera
L & G Twintech Institute of Technology
Tingkat 5, Blok E
Pusat Perdagangan Sri Damansara
Persiaran Industri, Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur.